



SEMBAH UCAPAN MENJUNJUNG KASIH

OLEH

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SBB)
ALA SEKINCHAN PEKAN, PAHANG**

**BERSAMA SPB YANG DIPERTUAN AGONG DAN SPB RAJA
PERMAISURI AGONG**

PADA

22 JANUARI 2024 (ISNIN)

JAM 11.00 PAGI

BERTEMPAT DI

KPA PERMATANG DURIAN, SKIM MERCHONG, PEKAN, PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun,

Menghadap,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah
Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Menghadap,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah
binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj

Menghadap,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku
Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah
Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

1. Dengan penuh takzimnya, patik mewakili pihak Kementerian dan semua yang turut hadir pada hari ini merafak sembah dan menjunjung kasih, di atas perkenan Kebawah Duli-duli Tuanku dan Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Anakanda berangkat ke **Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, Pekan, Pahang** pada hari ini.

2. Sesungguhnya keberangkatan Duli-duli Tuanku ke majlis ini adalah amat bersejarah sekali dan amat besar maknanya bagi patik-patik sekalian. Ini melambangkan keprihatian dan kasih sayang Tuanku yang sentiasa menaungi patik sekalian.

Ampun Tuanku,

3. Patik pohon limpah perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku, untuk menyampaikan ucapan patik, kepada hadirin sekalian.

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

(RUJUK SALUTASI TERKINI DI LAPANGAN)

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
Menteri Besar Pahang

Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup
Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abdul Razak
Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri
Pahang;

Yang Berhormat Exco-Exco Kerajaan Negeri Pahang;

Yang Berbahagia Dato' Sri Lokman Hakim Ali
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Ahli-ahli Yang Berhormat;

Pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan Negeri;

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi;

Barisan sekretariat penganjur majlis;

Rakan-rakan media; dan

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

4. Pertamanya, dengan penuh takzimnya, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan kerana hadir bersama-sama saya pada pagi ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, Pekan, Pahang.**

Hadirin sekalian,

5. Subsektor padi dan beras merupakan antara yang terkesan daripada isu global dan turut merasai impak kenaikan bahan mentah dunia sekaligus mempengaruhi harga input pertanian

seperti baja dan racun di pasaran tempatan, kenaikan harga jualan beras import, perubahan iklim dan sebagainya.

6. Kerajaan memandang serius dengan perkara ini dan pelbagai usaha pemulihan dan intervensi telah diambil untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan ekonomi negara bagi memastikan bekalan sekuriti makanan terjamin dan mencukupi sepanjang masa.
7. Sepanjang tempoh saya mengemudi KPKM, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang menyokong agenda keterjaminan bekalan beras negara. Antaranya ialah:
 - (i) Meneruskan penyaluran peruntukan bagi membiayai pelbagai program input dan output pertanian bersubsidi. Pada tahun 2023 sejumlah **RM1.85 bilion** telah diperuntukkan, bagi meringankan beban sara hidup pesawah dan memastikan kelangsungan pengeluaran padi dan beras negara.
 - (ii) Dalam Belanjawan 2024, Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan subsidi output dan input dengan jumlah yang lebih besar melebihi 30 peratus. Ini meliputi kenaikan kadar subsidi output yang tertinggi dalam sejarah, iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per tan metrik kepada RM500 per tan metrik.

Hadirin Sekalian,

8. Di Negeri Pahang khususnya, Program SMART SBB telah dimulakan secara rintis pada Luar Musim Tahun 2022 di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin dan IADA Pekan dengan Kerjasama strategik awam-swasta iaitu Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Secara purata, hasil yang direkodkan melalui program ini adalah 83 peratus peningkatan iaitu daripada 2.26 tan metrik per hektar kepada 4.15 tan metrik per hektar.
9. Syabas dan tahniah ingin saya ucapkan kepada 182 orang pesawah secara keseluruhan yang terlibat dalam mengusahakan kawasan seluas 375.11 hektar dengan projek rintis SMART SBB di Pahang ini. Walau apapun program yang dilaksanakan, ianya tidak akan berjaya tanpa kesungguhan dan komitmen oleh semua pihak yang terlibat pada hari ini.

Hadirin sekalian,

10. Melangkah ke hadapan, KPKM telah membuat perubahan baharu seiring dengan kemajuan teknologi dengan memperkenalkan satu model baharu di bawah Program SMART SBB iaitu dengan membawa kejayaan pelaksanaan padi di kawasan Sekinchan, Selangor untuk di aplikasi ke kawasan padi yang lain.
11. Model baharu yang dikenali sebagai **SMART SBB Ala Sekinchan** menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan *Knowledge, Attitude dan Practice* yang mana ia telah dilancarkan pada Mei 2023 dan telah dilaksanakan di kawasan

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), IADA Kemasin Semerak dan IADA KETARA.

12. Sukacita ingin saya kongsi, dari segi pencapaian, pelaksanaan program ini di Kg. Lat 1000, Perlis di bawah seliaan MADA telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada 7 tan metrik per hektar kepada 10.45 tan metrik per hektar manakala di IADA Ketara, Terengganu telah mencatatkan hasil sebanyak 7 tan metrik per hektar. Ini jelas menunjukkan bahawa amalan pertanian baik di Sekinchan mampu diaplikasikan di seluruh kawasan penanaman padi di seluruh negara.

Hadirin sekalian

13. Izinkan saya berkongsi sedikit berkaitan program yang bakal melakar sejarah pada hari ini. Syarikat Fajar Majestik Sdn. Bhd. ini merupakan rakan strategik kepada salah sebuah Syarikat Peneraju di bawah Program SMART SBB yang berhasrat untuk berkolaborasi dengan Koperasi Pesawah Merchong untuk mempertingkatkan produktiviti hasil padi di kawasan tersebut sekaligus menjamin peningkatan pendapatan pesawah.
14. Saya turut difahamkan bahawa secara keseluruhan, Skim Merchong mempunyai keluasan kawasan 4,134 hektar dengan bilangan seramai 1,716 orang pesawah. Terdapat sepuluh (10) Kumpulan Pengguna Air (KPA) di bawah Skim Merchong dan projek ini akan memberi fokus utama kepada KPA Permatang Durian. Bagi Fasa Pertama pelaksanaan projek ini, ianya akan melibatkan seramai 84 orang peserta dengan kawasan usaha seluas 168 hektar.

15. Jangkaan hasil purata padi adalah sebanyak **6 tan metrik per hektar** dengan pengeluaran padi bagi keseluruhan kawasan projek adalah sebanyak 27,813.876 tan metrik padi serta pengeluaran beras sebanyak 16,688.325 tan metrik beras semusim. Pada masa yang sama, sekiranya intensiti penanaman ditingkatkan sehingga dua (2) kali setahun, jangkaan hasil pengeluaran beras mencecah sehingga 33,376.65 tan metrik beras yang mampu menampung keperluan beras bagi anggaran keseluruhan rakyat negeri Pahang seramai 1,642.7 juta orang.
16. Cadangan varieti benih padi yang akan diusahakan adalah varieti padi MRQ 103 Padi Wangi Malaysia (MARIA atau MARDI Rice Aroma) yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) melalui kacukan antara varieti padi MRQ 89 dan MRQ 50 dengan tempoh tuaian selama 115 hari. Manakala, cadangan harga jualan padi adalah berdasarkan harga semasa jualan padi wangi dengan nilai tambahan RM100 ke atas berbanding harga jualan padi putih semasa.
17. Secara prinsipnya, cadangan projek ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran produktiviti padi negara melalui strategi di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021 - 2030 dengan memberi penekanan kepada peningkatan kecekapan guna tanah dan air untuk produktiviti yang lebih tinggi.
18. Semestinya, KPKM menyokong sepenuhnya pelaksanaan projek ini sebagai salah satu inisiatif untuk mempertingkatkan pengeluaran padi tempatan di samping menjamin pengekalan kawasan penanaman

padi negara yang saban tahun menghadapi masalah pengecilan kawasan akibat daripada penukaran status guna tanah.

19. Oleh yang demikian, saya berharap agar kesemua pihak berkepentingan dalam industri padi dan beras negara sama ada bermula daripada saya, para pegawai kanan yang hadir pada hari ini sehingga lah kepada para pesawah, perlu memainkan peranan masing-masing dengan baik dan berkesan untuk memastikan pengeluaran hasil padi yang lebih tinggi.

Ampun Tuanku,

20. Bagi mengakhiri sembah ucapan ini, Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas limpah perkenan berangkat ke majlis pada pagi ini. Dan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan program pada hari ini, Patik turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih.
21. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam penganjuran majlis atau terdapat apa jua kesilapan tutur bicara patik, patik memohon ampun kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.
22. Selanjutnya, patik berdoa kepada Allah SWT semoga Ke Bawah Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang serta putera-putera, puteri-puteri dan seluruh kerabat akan terus dikurniakan kekuatan dan

kesihatan dengan penuh kedaulatan dan kesejahteraan. Amin
yarabal alamin. Patik menjunjung kasih.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Menjunjung Kasih Tuanku.

Pindaan:

21 Januari 2024 (Ahad)